



# Jual secara haram

*KPDNHEP rampas 4,864kg minyak masak daripada syarikat pembungkus*

ANGGOTA KPDNHEP Perak merampas serta menyita minyak masak.

Oleh Muhammad Apendy Issahak  
 apendy@nsp.com.my

**Ipoh**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita 4,864 kilogram (kg) minyak masak dalam serbuan di syarikat pembungkus minyak masak di Ipoh, semalam.

Rampasan dibuat susu-

lan pemilik syarikat terbabit gagal menyelenggarakan buku stok serta dipercayai menjual minyak masak kepada pembeli yang tidak mempunyai lesen.

Serbuan jam 11 pagi itu turut menahan lelaki berusia 50-an yang mengaku sebagai pemilik premis bagi dirakam percakapan dan membantu siasatan.

Pegawai Penguatkuasa Negeri KPDNHEP Perak, V Ravichandran berkata, pihaknya menjalankan pe-

meriksaan dan pengauditan ke atas 22 syarikat pembungkus minyak masak di seluruh Perak bagi memastikan bekalan semasa mencukupi untuk kegunaan pengguna.

Menurutnya, keseluruhan kuota subsidi minyak masak yang diperuntukkan kepada semua syarikat berkenaan 2,814 tan matrik sebulan.

"Hasilnya, KPDNHEP Perak mengambil tindakan ke atas syarikat pem-

bungkus minyak masak berkenaan yang beroperasi di Ipoh.

"Siasatan awal mendapati syarikat terbabit mempunyai lesen borong barang kawalan minyak masak yang sah.

"Pemilik syarikat pula mengaku gagal menyelenggara buku stok seperti mana peruntukan undang-undang dan semakan rekod penjualan selain mendapati syarikat itu disyaki menjual kepada pembeli tidak mempunyai lesen atau kebenaran yang sah," katanya.

Ravichandran berkata, sehubungan itu pihaknya menyita 4,864 kilogram minyak masak dan beberapa dokumen membabitkan rekod pembelian dan penjualan bagi tujuan siasatan lanjut.

"Semua barang rampasan ini dianggarkan bernilai RM12,106. Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

Sementara itu menurutnya, keseluruhan tindakan kes dan nilai rampasan oleh KPDNHEP Perak bagi Januari tahun ini hingga kelmarin sebanyak 1,138 kes dengan nilai rampasan RM1.8 juta dan kompaun sebanyak RM156,540 selain denda RM49,100.

"Pembekal atau pemborong dinasihatkan supaya hanya membekalkan barang kawalan (petrol, diesel, LPG, gula, tepung gandum dan minyak masak) kepada pembeli yang mempunyai lesen atau kebenaran bertulis daripada Pengawal Kawalan Malaysia sahaja," katanya.